

19/11/2001

Formula Malaysia tangani pengganas

DALAM mendepani isu pengganas, Malaysia memiliki pengalamannya sendiri. Seperti berulang kali dinyatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini, kejayaan Malaysia memerangi pengganas komunis bukan bersandarkan tindakan ketenteraan semata-mata, sebaliknya dengan turut mengenal pasti sebab mereka memberontak. Hasil daripadanya, kata Perdana Menteri, orang Cina diberi hak kerakyatan, manakala beberapa peruntukan diwujudkan dalam Perlembagaan yang melindungi bukan saja hak orang Melayu, juga bukan Melayu, termasuk soal kebebasan agama dan peluang mereka mengambil bahagian bersama dalam kerajaan. Dengan itu rakyat keturunan Cina memberhentikan sokongan mereka kepada pengganas.

Sebagaimana yang diperjelaskan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin pula, kerajaan sentiasa memastikan tiada rakyat Malaysia terpinggir, sebaliknya usaha akan terus dibuat untuk melindungi hak dan kebebasan setiap orang tanpa mengira kaum atau agama. Usaha menyeluruh untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan taraf hidup serta mengagihkan kekayaan secara seimbang, tidak syak lagi berjaya mengelak perpecahan di kalangan rakyat. Tanpa mana-mana kaum tertentu berasa dipinggirkan, dengan sendirinya punca kepada keinginan untuk memberontak atau dipengaruhi pengganas dapat dibendung. Mengambil iktibar daripada tragedi 11 September lalu, langkah mencegah lebih baik daripada mengubati harus menjadi pegangan dalam menangani pengganas, sebagaimana formula Malaysia yang terbukti amat berkesan.

(END)